

Calon tidak terpilih ikrar terus berjuang

BH 13 MAY 2000

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata proses pemilihan yang berakhir semalam adalah selaras amalan demokrasi yang menjadi pegangan Umno dan perlu diterima semua anggota parti secara terbuka bagi mengeratkan perpaduan.

Beliau bagaimanapun berpendapat teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai politik wang dan gejala rasuah tidak disusuli secara bersungguh oleh pucuk pimpinan atau anggota perwakilan dengan strategi jelas bagi membanteras amalan terbabit.

"Kegagalan menyedari betapa besarnya ancaman politik wang terhadap Umno akan mengakibatkan kita berhadapan dengan masalah lebih besar pada masa depan dan menjejaskan kekukuhan asas yang menjadi paksi kekuatan parti," katanya.

Rais berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan pemilihan Naib Presiden parti dalam perhimpunan agung kali ini yang menyaksikan beliau kecundang dengan hanya memperolehi 371 undi.

Katanya, asas dasar perjuangan Umno kini sudah berubah.

Beliau berkata, mereka yang mempunyai wang mampu menarik sokongan ramai supaya memilihnya untuk jawatan penting dalam parti, manakala masa depan mereka yang menolak amalan politik wang tidak begitu cerah.

"Hakikat ini menjadi kebenaran bagi saya dan beberapa rakan seperjuangan lain dalam pemilihan kali ini dan terpulanglah kepada pucuk pimpinan bagi menguatkuasa tindakan membanteras gejala negatif ini pada masa depan," katanya.

Rais berkata, walaupun banyak diperkatakan mengenai politik wang, tindakan susulan bagi mencegahnya tidak menyeluruh dan belum ada kaedah pemantauan strategik diselaras bagi mengawasi perbuatan itu.

Mengenai kekalihannya, beliau berkata keputusan mungkin berbeza jika pengundian dibuat berdasarkan bakti kepada Umno serta pengorbanan kepada parti itu tetapi malangnya ia tidak diberi keutamaan dalam keadaan sekarang.

Katanya, arah aliran itu perlu diberi perhatian segera kerana ia mampu menjejaskan keutuhan Umno dan kewibawaan pucuk pimpinan parti dalam jangka panjang.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata beliau menerima kekalahan itu dengan hati terbuka tanpa menjejaskan niatnya untuk terus berjuang memantapkan Umno pada masa depan.

Katanya, keputusan itu dipercayai tidak bercanggah dan ia dibuat oleh perwakilan sendiri.

"Saya fikir keputusan itu adalah betul dan tidak ada apa-apa masalah. Apa yang penting kita perlu bekerja

untuk parti. Sebagai orang lama di dalam Umno, saya akan teruskan tugas sebagai ahli parti dan menteri besar untuk kepentingan bangsa agama dan negara," katanya.

Beliau berkata, keyakinan orang Melayu adalah kepada Umno dan semua pihak perlu bekerjasama untuk kepentingan parti.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yang turut gagal merebut jawatan Naib Presiden berkata beliau menerima keputusan itu dan akan memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinan parti.

"Saya sedia melaksanakan sebarang agenda yang diputuskan oleh parti untuk kepentingan semua peringkat, sama ada cawangan, bahagian, negeri dan pusat bagi memperkukuhkan Umno," katanya.

Mengenai penyertaan dalam pemilihan 2003, beliau berkata masa masih panjang dan buat masa ini beliau hanya merancang untuk memperkukuhkan lagi kekuatan parti.

Seorang lagi calon Naib Presiden yang gagal merebut kurusi itu, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata beliau menerima dan menghormati kehendak perwakilan.

"Apa yang penting ialah bagi saya mengukuhkan perpaduan di kalangan ahli Umno peringkat akar umbi di Selangor sebagai usaha mengembalikan keyakinan orang Melayu setempat terhadap Umno," katanya.